

Kenyataan Media

Khilafah akan Membebaskan Timur Turkistan Dan akan Membebaskan Uyghurs dari Jenayah Penindasan China (Terjemahan)

Pemimpin penjenayah China didorong oleh respon lembut oleh para pemimpin umat Islam; yang lebih menyukai tawaran dolar berbanding mendokong umat Islam di Turkestan Timur, sebagaimana yang telah dibuktikan apabila mereka sekadar menutup telinga mereka terhadap jenayah kejam yang penuh kebencian pihak berkuasa China dalam cubaan mereka untuk mengasingkan umat Islam dari Deen mereka, iaitu Deen Islam yang telah memenuhi hati-hati mereka sejak nenek moyang mereka lagi, yang telah dipandu oleh cahayaNya, dan telah memeluk kepercayaan in sejak abad pertama Hijriah (imigrasi).

Walaupun pihak berkuasa China telah mengganggu muslim Uighur dengan menggunakan semua taktik kejam seperti menghalang mereka daripada mengamalkan ritual dan menutup masjid, dan juga menghalang mereka daripada berpuasa pada bulan Ramadhan yang diberkati, dan mengharamkan apa-apa sahaja ritual Islam, sehinggalah baru-baru ini dibuat pusat-pusat tahanan yang besar, di mana di belakang temboknya lebih sejuta orang Islam, dalam kempen yang didakwa bertujuan "mengatasi keganasan" di bawah alasan palsu dengan slogan: "latihan vokasional", sambil menangkap para intelektual, saintis, pemikir dan profesor universiti. Semua ini adalah untuk menyebarkan rasa gerun dan menanamkan ketakutan di hati umat Islam supaya dapat mengurangkan kepatuhan mereka terhadap Deen Islam. Majalah Perisikan telah menerbitkan pengumuman China bahawa Islam adalah penyakit berjangkit yang mesti dirawat dengan segala cara, walaupun melalui penyeksaan dan pembunuhan. Human Rights Watch melaporkan bahawa pihak berkuasa China telah memaksa umat Islam untuk meninggalkan Islam melalui ancaman penyeksaan psikologi dan fizikal. Pihak berkuasa China mendakwa bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan tiga rangkaian kejahatan: keganasan, ideologi ekstremis dan seruan pemisahan, sebagaimana yang dilaporkan oleh BBC. Di bawah slogan palsu, pihak berkuasa China menggunakan pelbagai amalan yang menindas.

Walaupun pihak berkuasa China telah melakukan semua kempen ini, mereka melihat para penguasa Islam hanya mengabaikan, termasuk kenyataan oleh Wakil Presiden Indonesia Jusuf Kalla pada 17/12/2018 bahawa pemerintah Indonesia tidak dapat mengganggu masalah dalaman yang dialami oleh orang-orang Uighur di Turkestan Timur, dan mengatakan bahawa perkara ini melibatkan kedaulatan China. Oleh itu, sedikit dolar yang telah dilaburkan oleh China di Indonesia, Malaysia, Pakistan dan juga perjanjian perdagangan dengan China telah menutup mulut para pemimpin-pemimpin umat Islam yang gagal bertindak mengikut perintah Allah, iaitu wajib memberi dokongan kepada umat Islam Uyghur di Turkistan Timur.

Kami yakin bahawa para penguasa Ruwaybidha (pengkhianat) ini tidak mewakili Ummah Islam. Kami memberi amaran kepada pemerintah China akan kemarahan Ummah Islam, yang akan menjawab perintah Tuhannya, dan akan menghancurkan belunggu penguasa-penguasa ini dan akan bangkit untuk membalas dendam orang-orang yang menganiaya dan menindas mereka di Turkistan Timur, Myanmar, Kashmir, Palestin, dan tanah-tanah muslim yang lain.

Pemimpin-pemimpin China mestilah mengambil pelajaran akan nasib pendahulu mereka yang tidak dapat melarikan diri daripada sumpah ketua pemimpin tentera Islam, Qutaybah bin Muslim, bahawa beliau akan masuk ke tanah China. Maharaja China lalu menghantar kepada beliau para menteri dan delegasinya. Mereka berkata kepadanya: "Jangan masuk ke tanah kami, kami akan menggembirakan anda dengan apa sahaja yang anda sukai ... kami akan membayar apa sahaja yang anda inginkan dari Jizya". Beliau berkata kepada mereka: Saya bersumpah untuk memasuki negeri China. Mereka berkata: Kami boleh berikan apa yang melepaskan kamu dari sumpah itu, sehingga delegasi Maharaja China mengambil tanah dari tanah China dan membawanya ke Qutaiba, lalu beliau berdiri di atasnya, dan mengambil Jizya dari mereka, dalam keadaan penuh penghinaan.

Umat Islam tidak akan melupakan ketidakadilan, krisis semasa yang melanda mereka adalah umpama awan musim panas yang berlalu. Khilafah Rashida (Khalifah yang dipandu di atas kebenaran) atas metod kenabian, yang akan datang dengan izin Allah, akan membawa kemenangan kepada saudara kita yang tertindas di Turkistan Timur, dan akan mengambil tanggungjawab semua yang menindas mereka dan menentang mereka, Nabi (saw) berkata: « **إِنَّمَا الْإِمَامُ جُنَّةٌ يُقَاتِلُ مِنْ « وَرَأْيِهِ وَيُنْفِي بِهِ »** "Imam adalah perisai, di belakangnya kamu berperang dan melindungi diri kamu"

Dan kemudian China dan juga yang lain tidak akan berani mencederakan seorang Muslim kerana mereka menyedari bahawa apa sahaja yang mereka lakukan akan kembali kepada mereka dua kali ganda. Dan Allah Maha Kuat dan Maha Kuasa.

Dr. Osman Bakhach

Pengarah Pejabat Pusat Media Hizbut Tahrir

